

Kerajaan Perlu Pastikan GLC, Swasta Akur Had Umur Persaraan - Persatuan Bernama
4 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kerajaan diminta mewujudkan satu mekanisme pelaksanaan bagi memastikan semua syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan mematuhi had umur persaraan minimum 60 tahun untuk sektor itu.

Presiden Majlis Perhubungan Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) Mohamed Shafie BP Mammal berkata ini kerana wujud pertanyaan dalam kalangan pekerja swasta mengenai kesungguhan majikan mereka melaksanakan dasar itu.

"Walaupun Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012 bagi pekerja sektor swasta, namun apa yang dikhuatiri ialah kebanyakan majikan tidak memandang serius mengenai apa yang telah diluluskan.

"Kita khuatir ada sesetengah majikan memohon tempoh penangguhan bagi melaksanakannya seperti yang terjadi apabila kerajaan menetapkan gaji minimum RM900 untuk pekerja swasta," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat UNI-MLC, di sini pada Khamis.

Pada 27 Jun lepas, rang undang-undang itu yang menetapkan umur persaraan minimum pekerja swasta dilanjutkan sehingga 60 tahun diluluskan Dewan Rakyat, dan akan berkuat kuasa Januari 2013.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699656>